

CNS7808

U GB 18-01 00333 BA522

aab

Raja - Mesyuarat (Ulangan - pembetulan pada perenggan satu)
RAJA-RAJA, KABINET DAN BARISAN NASIONAL BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Beberapa jam sebelum Dewan Rakyat memulakan persidangan khas untuk membahaskan rang undang-undang pindaan perlembagaan bagi memansuhkan imuniti raja-raja hari ini, beberapa mesyuarat berlangsung di Istana Negara, Jabatan Perdana Menteri dan Bangunan Parlimen.

Sehingga pukul 11.45 pagi, gambaran jelas belum diperolehi sama ada cadangan kerajaan meminda perlembagaan telahpun dipeysetujui secara muktamad oleh pihak raja-raja.

Yang pertama mengadakan mesyuarat ialah Kabinet. Ketika mesyuarat itu dipercayai sedang berlangsung Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari Jabatan Perdana Menteri ke Istana Negara dan tiba di situ pada 8.33 pagi.

Dr Mahathir dipercayai menghadap Yang di-Pertuan Agong. Beliau kelihatan meninggalkan Istana pada 9.35 pagi.

Dr Mahathir kembali ke Jabatan Perdana Menteri dan dipercayai menyertai semula mesyuarat Kabinet.

Dalam pada itu, pada 8.42 pagi, raja-raja mula berangkat tiba di Istana Negara, di mana mesyuarat rasmi Majlis Raja-Raja dijadual diadakan.

Yang pertama berangkat tiba ialah Sultan Pahang, diikuti oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (8.50 pagi), Sultan Terengganu (9.50 pagi), Pemangku Raja Selangor (9.53 pagi), Raja Perlis (9.55 pagi), Sultan Kedah (10.24 pagi), Sultan Johor (10.30 pagi) dan Sultan Kelantan (10.46 pagi). Pemangku Raja Perak dipercayai telahpun berada di Istana sebelum itu.

Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman tiba di Istana pada pukul 10.10 pagi.

Raja-raja dipercayai memulakan mesyuarat pada pukul 11 pagi.

Menjelang waktu itu, mesyuarat Kabinet dipercayai telahpun selesai dan Perdana Menteri serta anggota jemaah menteri berlepas ke Bangunan Parlimen untuk mengadakan mesyuarat pra-persidangan dengan anggota parlimen dan senator dari Barisan Nasional.

Semalam, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menemui enam raja Melayu di Istana Negara.

Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas itu bahawa kerajaan dan keenam-enam Raja mencapai kata sepakat mengenai cadangan pindaan perlembagaan dengan sedikit tambahan kepada draf rang undang-undang berkenaan. -- Bernama.

||

▼18/01/12-19MST